

ESM Goh terima ijazah kehormat NUS

MENTERI Kanan Emeritus (ESM), Encik Goh Chok Tong, menerima pengiktirafan tertinggi daripada alma mater beliau, Universiti Nasional Singapura (NUS), semalam.

Beliau dianugerahi ijazah kehormat Doktor Undang-Undang oleh NUS bagi sumbangannya kepada Singapura dalam perkhidmatan awam.

Encik Goh berkhidmat sebagai Perdana Menteri kedua Singapura dari 1990 hingga 2004.

Beliau dilantik sebagai ESM dan penasihat kanan kepada Penguasa Kewangan Singapura (MAS) sejak Mei 2011.

Dua lagi orang turut dianugerah ijazah kehormat dalam majlis konvokesyen utama NUS semalam. Mereka ialah Profesor Saw Swee Hock, yang menerima ijazah kehormat Doktor Persuratan, dan Sir Richard Brook Sykes, yang dianugerahi ijazah kehormat Doktor Sains.

Dalam ucapannya di majlis itu, Encik Goh mengenang semula beberapa kejadian peribadi dan luaran utama yang telah membentuk kehidupannya selama 74 tahun.

Ini termasuk pemergian bapan-

ya apabila beliau berusia 10 tahun hingga impiannya mendapatkan ijazah kedoktoran tergendala kerana pemerintah tidak mahu memindahkan bon dermasiswa kepada universiti, di mana beliau telah menyertai sebagai zamil kajian setelah selesai pengajian.

Beliau juga menyentuh tentang permulaan kerjayanya dalam perkhidmatan awam di Pejabat Perdana Menteri, dan kemudian, tanpa diduga, menyertai politik.

Berucap kepada sekitar 150 graduan akauntan, beliau berkata:

“Pertama, sementara anda tidak boleh meramal masa depan anda, anda mempunyai kawalan ke atas beberapa bahagiannya. Anda boleh mengimbas dan membuat persiapan bagi laluan di depan – sekitaran geopolitik, bayangan ekonomi sejagat, demografi Singapura, tingkah laku masyarakat yang berubah, teknologi, pembangunan politik.

“Kedua, harus ada rasa bertanggungjawab – bertanggungjawab kepada keluarga dan negara... Berkhidmat dalam apa jua cara yang anda boleh untuk memberi sumbangan kembali bagi apa orang lain telah lakukan untuk anda,” seloroh beliau.